

03/01/2002

Melangkah ke tahun baru dengan semangat tinggi

WARGA pendidikan digesa melaksanakan tugas dengan kaedah yang lebih profesional untuk mengangkat martabat sektor itu agar produk yang dihasilkan mereka iaitu pelajar menjadi lebih cemerlang.

Mereka perlu melangkah ke tahun 2002 dengan semangat yang lebih tinggi dan melaksanakan tugas dengan mementingkan kualiti untuk menjadikan sistem sedia ada lebih mantap dan baik serta dapat membangunkan pendidikan di semua peringkat.

Tokoh pendidikan, Datuk Dr Kamarudin Kachar berkata, semua warga pendidikan sama ada dalam bidang pengajaran mahupun pengurusan mempunyai nilai dan kemahiran untuk menjalankan amanah yang diberikan kepada mereka dengan baik.

Tetapi, kadang-kadang, katanya, pengamal pendidikan enggan menggunakan teori atau model yang mereka kuasai mungkin kerana tidak percaya dengan keberkesanan teori terbabit.

Ini menyebabkan, katanya, pembangunan pelajar atau institusi pendidikan tidak dapat dikembangkan ke tahap yang paling maksimum, khususnya untuk membangunkan potensi dan sahsiah pelajar.

"Guru atau pengetua sama ada yang baru bertugas atau sudah lama dalam perkhidmatan pendidikan mempunyai ilmu, kemahiran dan pengalaman untuk menjadi pengajar atau pengurus yang baik.

"Mereka berjaya menjalankan tugas masing-masing dengan baik dan menghasilkan pelajar yang cemerlang sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum.

"Tetapi, jika pelaksanaan tanggungjawab ini dapat dilakukan dengan lebih berkualiti, iaitu berdasarkan teori yang mereka pelajari, hasilnya akan dapat ditingkatkan dengan lebih baik daripada sekarang.

"Penggunaan teori dan model pendidikan ini meliputi semua aspek sama ada dari segi akademik, pengurusan disiplin, penganjuran program kokurikulum dan pengurusan institusi secara keseluruhan," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta pandangannya mengenai harapan beliau terhadap sektor pendidikan untuk tahun 2002.

Dr Kamarudin yang juga bekas guru sekolah, pensyarah universiti dan naib canselor kini bertugas sebagai Ketua Perunding, Preshed Consultant, syarikat swasta yang memberi perkhidmatan berkaitan pendidikan rendah, menengah dan tinggi.

Syarikat itu mempunyai pejabat di Ampang, Kuala Lumpur, Perth, London dan bercadang membuka pejabat di Afrika Selatan dan China.

Beliau menambah, pembangunan personaliti pelajar amat penting dalam proses pendidikan kerana sekolah dan universiti menjadi saluran utama untuk mengeluarkan insan serba boleh, di samping asuhan di rumah.

Justeru, katanya, guru dan pengetua yang mempunyai ilmu tinggi harus memainkan peranan mereka dengan lebih cemerlang untuk melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi.

Bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Prof Mohd Taib Osman berharap pada 2002 pihak pentadbiran universiti akan memberi kebebasan kepada pensyarah dalam menjalankan penyelidikan masing-masing.

Menurut beliau, universiti perlu bebas kerana penyelidikan dan penerokaan adalah daya akademik bagi mencungkil kebenaran sama ada dalam bidang sastera dan sains.

"Sekiranya pensyarah dikenakan himpitan perkhidmatan seperti perlu

menandatangani sesuatu sudah tentu penyelidikan mereka tidak terarah dan tiada kebenaran," katanya.

Selain itu, Mohd Taib berharap kerajaan meneruskan sasarannya dengan melengkapkan pelbagai kemudahan pendidikan dengan lebih banyak sesuai dengan keadaan semasa.

Katanya, kemudahan mendorong seseorang itu mencambahkan ilmu di samping negara memiliki mereka yang berpengetahuan.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGGMB), Dr Abdul Rahman Daud, berkata kesatuan itu akan terus berhubung rapat dan bekerjasama sepenuhnya dengan Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan pelbagai isu pendidikan.

Katanya, KGGMB sentiasa mengadakan pertemuan dengan pihak berkenaan untuk berbincang dan menyelesaikan masalah guru dan berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan setakat ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa guru-guru yang bernaung di bawah kesatuan itu agar terus bersatu padu dan menyokong dasar kerajaan.

"Tahun ini sahaja kerajaan menaikkan gred dan gaji pengetua serta penolong kanan dan guru besar serta memberi bonus kepada guru.

"KGGMB juga berjaya menyelesaikan masalah kenaikan gred kira-kira 3,000 guru lulusan program pendidikan jarak jauh (PJJ) dan akan membantu graduan PJJ tahun 2002 mendapat jawatan masing-masing.

"Kesatuan ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membantu menaikkan taraf profesion keguruan dari semasa ke semasa.

"Jadi, kesatuan ini akan terus mengamalkan konsep permuafakatan dengan Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan isu secara rundingan dan berharap guru menyokong penuh pendirian KGGMB ini," katanya.

(END)